

Giving and Answering the Greetings (Salam) From Non-Muslim in Islamic Law

Hukum Memberi dan Menjawab Salam Orang Bukan Islam

Muhamad Rozaimi Ramle*, Abdul Latef Alhadri

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: rozaimi@fsk.upsi.edu.my

Article history: Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

Abstract

Conveying greetings to non-Muslims and replying greetings uttered by them are the issues that affect the sensitivity of Muslims in Malaysia. Since Malaysia is a plural-society nation, there are non-Muslims who are always intermingled with the Muslims and are impressed with some of Muslim cultures. And when this happens, it raises many questions such as is it allowed for Muslims to say "Assalamualaikum" to non-Muslims? Is it obligatory to return greetings given by non-Muslims? How to greet people in a ceremony consisting of Muslims and non-Muslims? Is it permissible to say "Good Morning" or "Good Evening" to non-Muslims? Therefore, this paper will explore the views of Muslim scholars in each of these issues so that readers can clearly understand the Islamic view on this issue. Analytical and critical methods will be utilized when elaborating the view of scholars in this issue. The conclusion of this study is that Muslims are not allowed to greet non-Muslims with the word "Assalamua 'laikum". However, if non-Muslims start to greet with the word "Assalamua 'laikum" then Muslims can reply it with the word "Wa'alaikumussalam". While other greeting of speech other than the remarks of "Assalamu'alaikum" is permissible.

Keywords: Rule, giving, replying, greeting, non Muslims, Islamic Law.

Abstrak

Isu memberi ucapan salam kepada orang bukan Islam dan menjawab salam yang diucapkan oleh mereka merupakan isu yang menyentuh sensitiviti umat Islam di Malaysia. Memandangkan negara ini merupakan sebuah negara yang bermasyarakat majmuk, kadang-kadang terdapat orang bukan Islam yang selalu bercampur gaul dengan orang Islam dan terkesan dengan beberapa budaya orang Islam antaranya ialah memberi salam. Lalu apabila perkara ini berlaku, ia menimbulkan pelbagai persoalan antaranya adakah dibenarkan orang Islam mengucapkan salam kepada orang bukan Islam? Adakah wajib menjawab salam yang diberikan oleh orang bukan Islam? Bagaimana pula untuk memberi salam dalam satu majlis yang bercampur antara orang Islam dan bukan Islam? Adakah dibenarkan mengucapkan ucapan "Selamat Pagi" atau "Selamat Petang" kepada orang yang bukan Islam? Justeru, penulisan ini akan mengupas pandangan ulama Islam dalam setiap persoalan-persoalan ini supaya pembaca dapat memahami dengan jelas pandangan Islam terhadap isu ini. Metod analisis dan kritis akan digunakan ketika menghuraikan pandangan ulama terhadap isu ini. Kesimpulan daripada kajian ini umat Islam dilarang memberi salam kepada orang bukan Islam dengan lafadz "Assalamua 'laikum". Walau bagaimanapun, jika orang bukan Islam memulakan salam maka orang Islam boleh menjawabnya dengan lafadz Wa'alaikumussalam. Manakala ucapan penghargaan lain selain daripada lafadz Assalamu'alaikum adalah dibenarkan.

Kata kunci: Hukum, Memberi, menjawab salam, orang bukan Islam, hukum Islam.

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Isu memberi salam kepada orang bukan Islam dan menjawab salam mereka menjadi topik yang sering menjadi perbualan masyarakat di Malaysia. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Oleh itu, kadang-kadang terdapat orang bukan Islam yang selalu bercampur gaul dengan orang Islam dan terkesan dengan beberapa budaya orang Islam antaranya ialah memberi salam. Lalu apabila perkara ini berlaku, ia menimbulkan pelbagai persoalan. Justeru, penulisan ini akan mengupas pandangan ulama Islam dalam setiap persoalan yang timbul berkaitan salam supaya pembaca dapat memahami dengan jelas pandangan Islam terhadap ucapan salam kepada orang bukan Islam ini.

■2.0 HUKUM MUSLIM MEMBERI SALAM KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

Ulama silam berbeza pandangan ketika membahaskan hukum orang Islam memberi salam kepada orang bukan Islam. Terdapat empat pandangan mengenai hukum ini:

Pandangan pertama: Mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali berpendapat bahawa memberi salam kepada orang bukan Islam tidak dibenarkan. (Ibn Mazah, n.d, Ibn Nujaim, n.d, Al-Mawardi, 1994, Al-Nawawi, 1997, Al-Buhuti, 1402H, Ibn Qudamah, 1405H) Dalil mereka ialah:

.i

1. Hadis riwayat Abu Hurairah:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «لَا تبَدُّلُوا إِلَيْهِودَ وَلَا النَّصَارَى بِالسَّلَامِ، فَإِذَا لَقِيْتُمْ أَحَدَهُمْ فِي طَرِيقٍ فَاضْطُرُوهُ إِلَى أَنْصِيْقَهُ». *Maksudnya: Jangan kamu mulakan ucapan salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Apabila kamu bertembung dengan mereka di suatu jalan hendaklah kamu jadikan mereka di jalan yang sempit.* (Muslim bin Al-Hajjaj, t.th, Al-Tirmizi, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th)

.ii

2. Hadis riwayat Abu Abdul Rahman al-Juhani dan Abu Basrah al-Ghfari:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إِنِّي رَاكِبُ غَدَى إِلَى الْيَهُودِ، فَلَا تَبَدُّلُوهُمْ بِالسَّلَامِ، فَإِذَا سَلَّمُوكُمْ فَقُولُوكُمْ: وَعَلَيْكُمْ». *Maksudnya: Aku akan bertolak menemui Yahudi esok. Janganlah kamu memulakan salam kepada mereka. Apabila mereka mengucapkan salam kepada kamu, maka katakanlah: Wa'alaikum.* (Ibn Majah, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Al-Bukhari, 1989)

3. Larangan ini adalah kerana memberi salam adalah satu penghormatan sedangkan tiada penghormatan yang patut diberikan kepada orang bukan Islam. (Al-Mawardi, 1994, Al-Nawawi, t.th) Juga Nabi menyatakan bahawa memberi salam akan menyebabkan timbulnya kasih sayang antara orang yang memberi dan yang menjawab sedangkan orang Muslim disuruh untuk membenci perlakuan kufur yang dilakukan oleh orang bukan Islam. (Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th)

ii. **Pandangan kedua:** Sebahagian ulama Mazhab Al-Hanafi, Mazhab Al-Syafie, Al-Sya'bi, Qatadah, Sufyan bin Uyaynah membenarkan pengucapan salam kepada orang bukan Islam. (Burhanuddin bin Mazah, t.th, Al-Mubarakfuri, t.th). Pandangan ini disandarkan kepada Ibn Abbas dan Abu Umamah. (Al-Qurtubi, 1964, Al-Syawkani, t.th) Tetapi sebahagian ulama Mazhab Al-Syafie mensyaratkan bahawa salam yang boleh dijawab ialah salam yang diberikan itu dengan lafadz *السلام عليك* tanpa *ورحمة الله وبركاته*. Mereka berhujah menggunakan dalil seperti berikut:

1. Firman Allah:

(لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مَّنْ دِيرُوكُمْ أَنْ تَبْرُو هُمْ وَتَفْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ) [المتحنة: 8]

Maksudnya: Allah tidak menghalang kamu untuk berbuat kebaikan dan berlaku adil kepada orang kafir yang tidak memerangi kamu dan tidak menghalau kamu keluar dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah cintakan kepada orang yang berlaku adil.

[89] (فَاصْفَحْ عَنْهُمْ وَقُلْ سَلَامٌ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ) [الزخرف]

Maksudnya: Berpalinglah daripada mereka dan katakan salam.

2. Hadis riwayat Abu Umamah al-Bahili:

عن أبي أمامة الباهلي رضي الله عنه أنه قال: «أمرنا رسول الله عليه السلام بإفشاء السلام على كل مسلم ومعاهد»

Maksudnya: Rasulullah memerintahkan kami (sahabat) untuk menyebarkan salam kepada setiap Muslim dan kafir yang mempunyai perjanjian damai dengan negara Islam. (Burhanuddin bin Mazah, t.th)

3. Hadis-hadis yang umum bahawa Nabi SAW menggalakkan umatnya menyebarkan salam.

4. Sebahagian ulama Mazhab Al-Hanafi menggunakan riwayat Ali bin Abi Talib untuk membenarkan Muslim memberi salam kepada orang bukan Islam:

عن علي رضي الله عنه أنه قال: «لا يسلم على اليهود والنصارى والمحوس، وهذا إذا لم يكن للمسلم حاجة إلى الذمي، وإن كان له حاجة فلا بأس بالسلام عليه»

Maksudnya: Janganlah seorang Muslim memberi salam kepada orang Yahudi, Nasrani dan Majusi jika dia tiada keperluan dengan kafir zimmi. Tetapi jika ada keperluan yang mendesak maka tidak mengapa dia memberi salam kepada mereka. (Burhanuddin bin Mazah, t.th)

5. Perbuatan Ibn Abbas:

"أَنَّهُ كَتَبَ إِلَى رَجُلٍ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ".

Maksudnya: Sesungguhnya Ibn Abbas menulis surat kepada seorang lelaki dalam kalangan Ahli Kitab yang dimulakan dengan "Assalamualaika". (Ibn Abi Syaibah, 1409H)

6. Perbuatan Abu Umamah:

"أَنَّهُ كَانَ لَا يَمْرُرُ مُسْلِمًا وَلَا يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا إِلَّا بَدَأَهُ بِالسَّلَامِ".

Maksudnya: Sesungguhnya Abu Umamah tidak akan berjalan di depan seorang Muslim, Yahudi atau Nasrani melainkan dia akan memulakan salam kepada mereka". (Ibn Abi Syaibah, 1409H)

7. Diriwayatkan bahawa Abu Darda' juga memberi salam kepada orang kafir. (Ibn Abi Syaibah, 1409H)

iii. **Pandangan ketiga:** Sebahagian ulama Mazhab Al-Maliki dan sebahagian ulama Mazhab Al-Syafie mengatakan memberi salam kepada mereka adalah makruh sahaja bukannya haram. (Al-Syawkani, t.th) Dalil mereka sama dengan pandangan pertama tadi cuma mereka mengatakan bahawa larangan ini adalah makruh sahaja bukannya haram.

iv. **Pandangan keempat:** Sebahagian ulama Mazhab Al-Hanafi, 'Alqamah dan Al-Nakhaie berpendapat dibolehkan untuk memberi salam kepada mereka jika terdapat keperluan yang mendesak seperti jika mereka adalah kerabat kepada orang Muslim atau jiran. (Burhanuddin bin Mazah, t.th, Al-Mubarakfuri, t.th) Dalil mereka ialah 'Alqamah meriwayatkan bahawa Ibn Mas'ud memberi salam kepada *Dihqan* yang bukan Islam ketika bermusafir dengannya. (Al-Baihaqi, 1410H) Ibn Hajar mengatakan bahawa sanad riwayat ini hasan. (Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th)

v. **Pandangan kelima:** Al-Awza'i berpendapat bahawa Muslim diberikan pilihan sama ada untuk memberikan salam kepada mereka ataupun tidak. Ini kerana kedua-dua perkara tersebut dilakukan oleh orang soleh. Al-Awza'i berkata: *"Jika engkau memberi salam (kepada mereka), sesungguhnya orang-orang soleh lain juga memberikannya dan jika engkau meninggalkannya maka orang soleh lain juga meninggalkannya"*. (Al-Nawawi, 1392H, Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th, Al-Syawkani, t.th)

Pentarjihan

Berdasarkan pendapat ulama dan dalil yang dinyatakan tadi, dapat disimpulkan beberapa perkara:

1. Dalil hadis yang melarang Muslim memberi salam kepada orang bukan Islam adalah sahih dan menjadi rujukan utama dalam masalah ini.
2. Adapun ayat ke 89 surah al-Zukhruf yang memerintahkan ucapan salam kepada orang kafir secara umum tadi bukan bermaksud memberi salam penghormatan sebaliknya memberikan salam *al-Mutarakah* yang bermaksud ingin berlepas diri daripada mereka. (Ibn 'Asyur, 2000)
3. Manakala pendapat yang menggunakan hadis umum yang menggalakkan Muslim menyebarkan untuk membenarkan Muslim memberi salam kepada orang bukan Islam tidak tepat kerana hadis tersebut umum dan ia telah dikhurasukan dengan hadis larangan memberi salam kepada orang bukan Islam. Jadi pandangan ini telah mengutamakan hadis umum ke atas hadis yang khusus. (Al-Syawkani, t.th)
4. Manakala pendapat yang mengatakan larangan ini hanyalah makruh bukannya haram telah melanggar kaedah usul yang mengatakan hukum asal bagi setiap larangan Syarak adalah haram melainkan jika terdapat petunjuk (*qarinah*) lain yang mengubahnya. Jadi mereka telah mengubah hukum haram yang merupakan hukum asal larangan Syarak kepada makruh tanpa qarinah. (Al-Syawkani, t.th)
5. Hadis riwayat daripada Abu Umamah dan kata-kata Ali yang digunakan oleh Mazhab Al-Hanafi pula, penulis tidak dapat menjumpainya dalam kitab-kitab hadis. Ia boleh dikatakan bahawa kedua-dua riwayat ini tidak mempunyai asal.
6. Riwayat yang menyatakan Ibn Abbas menulis surat kepada Ahli Kitab yang dimulai dengan salam pula diriwayatkan dengan sanad yang daif kerana terdapat perawi yang *mubham*. Perawi *mubham* ialah perawi yang tidak disebut namanya. (Al-Sakhawi, 1403H)
7. Manakala riwayat yang menyatakan bahawa Abu Umamah memberi salam kepada orang Muslim, Yahudi dan Nasrani dan perbuatan Abu al-Darda' pula adalah pandangan sahabat yang tidak cukup kuat untuk menyanggahi hadis yang melarang Muslim memberi salam kepada orang bukan Islam. Tambahan pula terdapat sahabat lain yang tidak sepakat dengan pandangan mereka antaranya Ibn Umar dan 'Uqbah bin 'Amir yang menarik kembali salamnya daripada orang kafir setelah dia tahu bahawa orang yang dia sangka Muslim itu adalah kafir. (Al-Bukhari, 1989, Al-Baihaqi, 1410, Al-Baghawi, 1983) Al-Albani menilai riwayat 'Uqbah bin 'Amir ini sebagai hasan. (Al-Albani, 1985)

8. Begitu juga Nabi tidak memberi salam kepada Heraclius pembesar Rom ketika baginda mengutus surat kepadanya. Sebaliknya, baginda mengucapkan "Salam ke atas sesiapa yang mengikut petunjuk". (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th) Ini bukanlah satu salam penghormatan kepadanya sebaliknya ia adalah ucapan yang membawa maksud sesiapa yang masuk ke dalam agama Islam akan selamat. (Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th)

Dengan itu, penulis mendapat bahawa pandangan pertama yang menyatakan bahawa seorang Muslim tidak dibenarkan untuk memberi salam kepada orang bukan Islam adalah pandangan yang rajih (tepat) bagi masalah ini.

■3.0 HUKUM MENJAWAB SALAM ORANG BUKAN ISLAM DAN CARA MENJAWABNYA

Setelah mengetahui hukum memberi salam kepada orang bukan Islam, timbul pula persoalan yang kedua iaitu bagaimana pula jika orang bukan Islam yang memberi salam kepada Muslim? Adakah Muslim tersebut wajib menjawabnya atau tidak? Jika dia wajib menjawabnya bagaimana pula dia hendak menjawabnya? Persoalan ini akan dibincangkan secara terperinci dalam sub topik ini.

Hukum Menjawab Salam Orang Bukan Islam.

Jika orang bukan Islam memulakan salam kepada orang Muslim, adakah Muslim tersebut wajib menjawabnya ataupun tidak? Terdapat beberapa pandangan ulama terhadap hukum menjawab salam orang bukan Islam. Berikut adalah pandangan mereka:

- i. **Pandangan pertama:** Ibn Abbas, Mazhab Al-Syafie dan Al-Hanbali berpendapat bahawa menjawab salam orang bukan Islam adalah wajib. (Al-Mawardhi, 1994, Zakariya Al-Ansari, 2000, Al-Buhuti, 1402H) Setiap Muslim yang diberi salam oleh orang bukan Islam wajib menjawabnya dengan lafadz tertentu yang akan dibincangkan dalam sub topik selepas ini. Ibn Al-Qayyim juga cenderung dengan pandangan ini. (Ibn Al-Qayyim, 2002) Dalil mereka yang mewajibkan Muslim menjawab salam itu ialah:

1. Firman Allah:

﴿وَإِذَا حُبِّيْتُم بِّحَيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحَسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا﴾ [النساء: 86]

Maksudnya: Apabila kamu diberi pujian maka balaslah (jawablah) pujian tersebut dengan sesuatu yang lebih baik daripadanya atau sama dengannya.

Kata Ibn Abbas ketika mentafsirkan ayat ini: "Jawablah salam Yahudi, Nasrani atau Majusi...". (Al-Bukhari, 1989)

2. Hadis riwayat Anas bin Malik:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: «إذا سلم عليكم أهل الكتاب فقولوا: وعليكم».

Maksudnya: Apabila Ahli Kitab memberi salam kepadamu maka jawablah: "Wa'alaikum". (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th)

3. Hadis riwayat Ibn Umar:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «إذا سلم عليكم اليهود، فلما يقل أحدهم السلام عليك، فقل: وعليك»

Maksudnya: Apabila Yahudi memberi salam kepada kamu, sesungguhnya salah seorang dari mereka mengucapkan maut ke atas kamu. Maka katakanlah: Ke atas kamu (juga). (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th, Abu Daud, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Ibn Abi Syaibah, 1409H)

4. Hadis riwayat Abu Abdul Rahman al-Juhani dan Abu Basrah al-Ghfari:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إن راكب غدا إلى اليهود، فلا تبدعهم بالسلام، فإذا سلموا عليكم فقولوا: وعليكم».

Maksudnya: Aku akan bertolak menemui Yahudi esok. Janganlah kamu memulakan salam kepada mereka. Apabila mereka mengucapkan salam kepada kamu, maka katakanlah: Wa'alaikum. (Ibn Majah, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Ibn Abi Syaibah, 1409H, Al-Bukhari, 1989)

- ii. **Sebahagian ulama:** Tidak wajib menjawabnya. Ibn Wahab dan Asyhab meriwayatkan pandangan ini daripada Imam Malik dan ia juga adalah pandangan 'Ata'. (Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th, Al-Syawkani, t.th) Hujah mereka ialah ayat 86 dalam surah Al-Nisa' hanya dikhususkan kepada Muslim sahaja. Ia tidak melibatkan salam orang bukan Islam.

- iii. **Sebahagian ulama:** Wajib menjawab salam orang kafir zimmi tetapi tidak wajib menjawab salam kafir harbi. (Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th)

Pentarjihan

Setelah menyatakan pandangan ulama berkaitan hukum menjawab salam orang bukan Islam, penulis dapat merumuskan beberapa perkara berikut:

1. Hujah pandangan yang mengatakan bahawa ayat 86 dalam surah al-Nisa' hanyalah dikhkususkan kepada orang Muslim sahaja tidak tepat kerana hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim mewajibkan Muslim menjawab salam orang bukan Islam dengan ucapan *Wa'alaikum*. Jadi hujah ini tidak boleh diterima. Begitu juga tiada dalil yang mengkhususkan ayat ini hanya untuk orang Islam.
2. Pandangan yang ketiga tidak mempunyai apa-apa dalil untuk menguatkan pandangan mereka. Bahkan terdapat hadis sahih yang menyatakan wajib menjawab salam jika kafir yang sedang berperang dengan kaum Muslimin memberi salam dengan lafadz *Wa'alaikum*. Sabda Nabi SAW:

«إِنَّ رَاكِبَ غَدَى إِلَى الْيَهُودِ، فَلَا تَبْدِعُوهُمْ بِالسَّلَامِ، فَإِذَا سَلَّمُوا عَلَيْكُمْ، قُوْلُوا: وَعَلَيْكُمْ».»

Maksudnya: Aku akan bertolak menemui Yahudi esok. Janganlah kamu memulakan salam kepada mereka. Apabila mereka mengucapkan salam kepada kamu, maka katakanlah: Wa'alaikum. (Ibn Majah, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Ibn Abi Syaibah, 1409H, Al-Bukhari, 1989)

Justeru, penulis mendapati bahawa pandangan pertama ialah pandangan yang tepat dalam masalah ini. Jadi, setiap Muslim wajib menjawab salam orang bukan Islam. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang sentiasa menyuruh penganutnya berbuat baik dan berlaku adil kepada orang bukan Islam yang tidak memerangi Islam dan Muslimin. Firman Allah S.W.T:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُؤْتُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيرِكُمْ أَن تَبَرُّو هُمْ وَنَفْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾ [المتحنة: 8]

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil kepada orang (kafir) yang tidak memerangi kamu dan tidak menghalau kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah cintakan orang-orang yang adil.

Bagaimana Menjawab Lafaz Orang Bukan Islam

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama dalam membahaskan persoalan ini.

- i. **Pandangan pertama:** Majoriti ulama berpendapat bahawa wajib seorang Muslim menjawab salam orang bukan Islam dengan lafadz *Wa'alaikum* sahaja tidak lebih dari itu jika mereka ramai. Manakala jika seorang sahaja maka hendaklah Muslim itu menjawab dengan *Wa'alaika* sahaja. Dalil mereka ialah:

1. Hadis riwayat Anas bin Malik:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: «إِذَا سَلَّمَ أَهْلُ الْكِتَابَ فَقُولُوا: وَعَلَيْكُمْ».»

Maksudnya: Apabila Ahli Kitab memberi salam kepadamu maka jawablah: "Wa'alaikum". (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th)

2. Hadis riwayat Aisyah:

دخل رهط من اليهود على رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقالوا: السام عليكم. قالت عائشة: "فهمتها، فقلت: وعليكم السام واللعنة"، قالت: فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «مهلا يا عائشة، إن الله يحب الرفق في الأمر كله». فقلت: "يا رسول الله أو لم تسمع ما قالوا؟"، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «قد قلت وعليكم».

Maksudnya: Sekumpulan Yahudi bertemu Rasulullah SAW, lalu mereka menyebut: "al-Samu 'alaikum" (Maut ke atasmu). Kata Aisyah: "Aku memahami maksud salam mereka itu, lalu aku berkata: "Ke atas kamu juga maut dan laknat". Sabda Rasulullah SAW: "Nanti dulu wahai Aisyah, sesungguhnya Allah sukaikan kepada kelembutan dalam semua urusan". Aku berkata: "Wahai Rasulullah, adakah engkau tidak mendengar apa yang mereka ucapkan?". Sabda Rasulullah: "Aku telah menjawab dengan Wa'alaikum". (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th)

3. Hadis riwayat Ibn Umar:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: «إِذَا سَلَّمَ عَلَيْكُمُ الْيَهُودُ، فَإِنَّمَا يَقُولُ أَحَدُهُمُ السَّامَ عَلَيْكَ، فَقُلْ: وَعَلَيْكُ».»

Maksudnya: Apabila orang Yahudi memberi salam kepadamu sesungguhnya sebahagian daripada mereka bermaksud (daripada lafadz salam itu) maut ke atasmu. Maka hendaklah kamu menjawabnya

dengan: *Wa'alaika*". (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th, Abu Daud, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Ibn Abi Syaibah, 1409H)

4. Hadis riwayat Abu Abdul Rahman al-Juhani dan Abu Basrah al-Ghfari:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إِنِّي رَأَيْتُ غَدَى إِلَى الْيَهُودِ، فَلَا تَبْدِئُوهُمْ بِالسَّلَامِ، فَإِذَا سَلَّمُوا عَلَيْكُمْ فَقُولُوا: وَعَلَيْكُمْ». (Ibn Majah, 1409H, Al-Bukhari, 1989)

Maksudnya: Aku akan bertolak menemui Yahudi esok. Janganlah kamu memulakan salam kepada mereka. Apabila mereka mengucapkan salam kepada kamu, maka katakanlah: Wa'alaikum. (Ibn Majah, t.th, Ahmad bin Hanbal, t.th, Ibn Abi Syaibah, 1409H, Al-Bukhari, 1989)

- ii. **Pandangan kedua:** Ibn Tawus berpendapat bahawa seorang Muslim perlu menjawab dengan lafadz 'Alakassalam yang bermaksud moga kesejahteraan terangkat dari kamu. (Ibn Abd Al-Barr, 1387H)
- iii. **Pandangan ketiga:** Sebahagian ulama berpendapat seorang Muslim patut menjawab salam orang bukan Islam dengan lafadz 'Alaikasilam yang bermaksud ke atasmu batu. Ia merupakan lafadz cemuhan. (Ibn Abd Al-Barr, 1387H, Al-Mubarakfuri, t.th)
- iv. **Pandangan keempat:** Ibn Al-Qayyim berpendapat bahawa jika seorang Muslim percaya bahawa orang bukan Islam memberikan kepadanya dengan ikhlas, dia dibenarkan untuk menjawabnya dengan lafadz *Wa'alaikumussalam*. Tetapi jika dia yakin salam yang diberikan itu adalah sebagai ejekan ataupun dia kurang pasti sama ada ia ejekan atau sebaliknya, maka dia perlu menjawab dengan *Wa'alaikum* sahaja. (Ibn Al-Qayyim, 2002) Pandangan ini disokong oleh al-Albani. (Al-Albani, 1995) Dalil mereka ialah:

1. Firman Allah S.W.T:

(وَإِذَا حُبِّيْتُم بِتَحْمِيَةٍ فَحَيُّوْا بِأَحْسَنَ مِثْهَاهُ أَوْ رُدُّهَاهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا) [النساء : 86]

Maksudnya: Apabila kamu diberikan pujian maka jawablah pujian itu dengan sesuatu yang lebih baik daripadanya atau yang sama dengannya.

Melalui ayat ini kita dapat fahami bahawa Allah mewajibkan membalaik setiap pujian yang diberikan kepada kita sekurang-kurangnya dengan sesuatu yang setimpal dengan pujian yang kita dapat. Justeru, apabila diyakini bahawa salam yang diberikan oleh orang bukan Islam itu bukan berbentuk ejekan atau cemuhan maka kita wajib untuk menjawabnya berdasarkan ayat tadi. (Ibn Al-Qayyim, 2002, Al-Albani, 1995)

2. Manakala sabda Nabi SAW yang menyuruh supaya menjawab salam orang bukan Islam dengan lafadz *Wa'alaikum* sahaja adalah jika diyakini salam yang diberi itu adalah suatu ejekan atau kita tidak pasti adakah ia suatu ejekan atau sebaliknya. Tetapi jika diyakini salam yang diberi itu adalah suatu penghormatan maka wajib ke atas Muslim untuk menjawabnya dengan *Wa'alaikumussalam*. (Ibn Al-Qayyim, 2002, Al-Albani, 1995)

Pentarjihan

Setelah membincarakan pandangan ulama dalam isu menjawab salam orang bukan Islam, penulis mendapati bahawa kekuatan hujah terdapat pada pandangan Ibn al-Qayyim yang menyatakan boleh bagi Muslim menjawab salam orang bukan Islam dengan lafadz *Wa'alaikumussalam* jika dipercaya salam yang diberi itu adalah satu penghargaan. Ini kerana hadis-hadis yang menganjurkan ucapan *Wa'alaikum* semata mempunyai konteks yang khusus iaitu apabila salam itu diucapkan dalam keadaan mereka mengejek. Wallahu'lam.

■4.0 HUKUM MEMBERI SALAM DALAM MAJLIS YANG BERCAMPUR ANTARA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM

Jika dalam suatu majlis terdapat orang Muslim dan orang bukan Islam bagaimana untuk memberikan salam? Ulama Islam berpendapat bahawa dia boleh untuk mengucapkan salam dan diniatkan kepada orang Muslim sahaja. (Al-Nawawi, t.th, Al-Buhuti, 1402H, Ibn Qudamah, 1405H, Ibn Hajar Al-'Asqalani, t.th) Dalil bagi masalah ini ialah hadis yang diriwayatkan dari Usamah bin Zaid bahawa Nabi pernah memberi salam dalam majlis yang bercampur antara Muslim dan orang bukan Islam. (Al-Bukhari, 1987, Muslim, t.th, Al-Tirmizi, t.th)

■5.0 HUKUM MENGUCAPKAN UCAPAN SELAIN SALAM KEPADA BUKAN MUSLIM

Ulama juga berbincang tentang hukum orang Muslim memberikan ucapan lain daripada *السلام عليكم* kepada orang bukan Islam. Adakah ia dibenarkan ataupun tidak? Terdapat dua pandangan dalam masalah ini:

- i. **Pandangan pertama:** Mazhab Al-Hanbali dan sebahagian ulama Mazhab Al-Syafie mengatakan bahawa seorang Muslim tidak dibenarkan untuk mengucapkan apa-apa ucapan penghargaan kepada orang bukan Islam. Mereka mengqiyaskan ucapan lain daripada salam ini dengan larangan Nabi SAW untuk memberi salam kepada mereka. (Ibn Qudamah, 1405H, Zakariya Al-Ansori, 2000)
- ii. **Pandangan kedua:** Sebahagian ulama Mazhab Al-Syafie berpendapat bahawa seorang Muslim dibenarkan untuk mengucapkan lafadz penghargaan selain daripada السلام عليكم kepada orang bukan Islam. Dalil mereka ialah selagi mana tidak terdapat dalil yang melarang maka ia akan kekal dalam hukum asalnya iaitu harus. (Al-Nawawi, t.th)

Pentarjihan

Penulis lebih cenderung dengan pandangan yang membenarkan seorang mengucapkan ucapan penghargaan selain daripada salam kepada orang bukan Islam. Ini kerana tidak terdapat sebarang dalil yang melarangnya. Manakala qiyas yang digunakan oleh ulama untuk mengharamkannya juga adalah tidak tepat kerana lafadz (السلام عليكم) adalah lafadz ibadah yang mempunyai kelebihan yang tidak terdapat pada lafadz lain.

■6.0 KESIMPULAN

Setelah meneliti pandangan ulama dalam isu-isu berkaitan salam kepada orang bukan Islam, penulis mendapati bahawa Islam bukanlah suatu agama yang sangat sempit sehingga menafikan sifat kemanusiaan sesama manusia walaupun berlainan agama. Islam pula tidaklah begitu longgar sehingga membenarkan semua perkara tanpa disiplin.

Oleh itu, umat Islam dilarang memulakan salam kepada orang bukan Islam dengan lafadz “Assalamualaikum”. Namun ucapan selain daripada lafadz “Assalamualaikum” seperti selamat pagi dan seumpamanya adalah dibenarkan.

Manakala menjawab salam pula, pandangan yang tepat ialah umat Islam boleh menjawab salam dengan lafadz “Wa’alaikumussalam” jika lafadz salam diucapkan secara ikhlas. Jika didapati ucaan salam diucapkan secara mengejek maka berpadalah dengan ucapan “Wa’alaikum” sahaja.

Rujukan

- Abu Daud, S. A. (t.th). *al-Sunan*. Dar Al-Kitab Al-'Arabi, Beirut.
 Ahmad bin Hanbal al-Syaiibani, (t.th), *Al-Musnad*, Kaherah: Muassasah Al-Qurtubah.
 Al-Albani, M. N. (1985). *Irwa' Al-Ghalil*, 2nd Edition. Al-Maktab al-Islami, Beirut
 Al-Albani, M. N. (1995). *Silsilah Al-Ahadiyah Al-Sahihah*, 1st Edition. Matabah al-Ma'arif, Riyadh.
 Al-Baghawi, H. M. (1983). *Syarh Al-Sunnah*, 2nd Edition. Al-Maktab Al-Islami, Damsyik.
 Al-Baihaqi, A. H. (1410H). *Syu'ab Al-Iman*, 1st Edition. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut.
 Al-Baihaqi, A. H. (1994). *Al-Sunan Al-Kubra*, Muhammad Abdul Qadir 'Ata (ed). Dar al-Baaz, Mekah
 Al-Buhuti, M. Y. (1402H). *Kasyf Al-Qina'*, Hilal Museilehi (ed). Dar Al-Fikr, Beirut.
 Al-Bukhari,M. I. (1987). *Al-Sahih*, 3rd Edition. Dar Ibn Kathir, Beirut.
 Al-Bukhari,M. I. (1989). *Al-Adab Al-Mufrad*, Dar Al-Basyair Al-Islamiyyah, Beirut.
 Burhanuddin, M. A. (t.th). *Al-Muhit Al-Burhani*, Dar Ihya Al-Turath Al-'Arabi, Beirut.
 Ibn 'Abd Al-Bar, Y. A. (1387H). *Al-Tamhid*, Muhammad bin Ahmad Al-'Alawi, Muhammad bin Abdul Kabir Al-Bakri (ed). Wizarah 'Umum Al-Awqaf wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah, Maghribi
 Ibn Abi Syaibah, A. M. (1409H). *Al-Musannaf*, Kamal Yusuf Al-Hut (ed), 1st Edition. Maktabah Al-Rusyd, Al-Riyadh.
 Ibn Al-Qayyim, M. A. (2002). *Ahkam Ahl al-Zimmah*, Toha Abdul Rouf Sa'ad (ed). 2nd Edition. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
 Ibn Hajar, A. A. (t.th). *Fath Al-Bari*, Dar Al-Fikr, Beirut.
 Ibn Majah, M. Y. (t.th). *Al-Sunan*, Dar Al-Fikr, Beirut.
 Ibn Nujaim, Z I. (t.th). *Al-Bahr Al-Raiq*, Dar Al-Ma'rifah, Beirut.
 Ibn Qudamah, A. A. (1405H). *Al-Mughni*, 1st Edition. Dar Al-Fikr, Beirut.
 Al-Mawardi, A. M. (1994). *Al-Hawi Al-Kabir*, 1st Edition. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut.
 Al-Mubarakfuri, M. A. (t.th). *Tuhfat Al-Ahwazi*, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut.
 Muhammad Al-Tahir bin Muhammad bin Asyur. (2000). *Al-Tahrir Wa Al-Tanwir*, 1st Edition. Muassasah Al-Tarikh Al-'Arabi, Beirut.
 Muslim bin Hajjaj al-Naisaburi. (t.th). *Al-Sahih*, Dar Al-Afaq Al-Jadidah, Beirut.
 Al-Nawawi, Y. S. (1392H). *Syarh Sahih Muslim*, Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi, Beirut.
 Al-Nawawi, Y. S. (1997). *Al-Majmu'*, Dar Al-Fikr, Beirut.
 Al-Qurtubi, M. A. (1964). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*, Dar Al-Kutub Al-Misriyyah, Kaherah.
 Al-Sakhawi, M. A. (1403H). *Fath Al-Mughith*, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut.
 Al-Syawkani, M. A. (t.th). *Nail Al-Awtar*, Idarah Al-Tiba'ah Al-Munirah, Damsyiq.
 Al-Tirmizi, M. I. (t.th). *Al-Sunan*, Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi, Beirut.
 Zakaria bin Muhammad al-Ansari. (2000). *Asna al-Matalib*, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah, Beirut.